

Suami tak suka mandi punca cerai

Alasan remeh kerap jadi penyebab perceraian

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan (PAID) merekodkan alasan remeh seperti suami tidak suka mandi dan tidak mahu menunggang motosikal sebagai penyebab berlakunya perceraian di daerah ini.

Alasan tersebut dikenal

pasti dalam kebanyakan sesi kaunseling rumah tangga dijalankan PAID yang mengambil masa lama untuk diselesaikan termasuk sesetengah kes berlanjutan sehingga lebih setahun.

Kadi Daerah Kuantan, Abdul Zaki Md Zain berkata, kira-kira 1,000 kes perceraian setiap tahun di daerah ini dalam tempoh dua tahun sejak 2016

Katanya, sejak dua tahun lalu, pihaknya menerima 5,000 permohonan berkahwin dan dalam tempoh sama sebanyak satu perlima daripada jumlah itu memohon untuk bercerai.

"Yang datang untuk mohon bercerai ini bila kita



ABDUL ZAKI

adakan sesi kaunseling kadang-kadang alasannya memang remeh seperti suami tak suka mandi malah suami tidak tahu menunggang motosikal turut menjadi sebab penceraian.

Abdul Zaki berkata, statis-tik sama juga membimbangkan kerana menyumbang kepada peningkatan kes perceraian di daerah ini.

"Dalam kes seperti suami tidak pandai menunggang motosikal dan isteri yang kena hantar suami hari-hari ke tempat kerja ini kita akan cuba menasihati suami supaya dia boleh berubah untuk ke arah kebaikan.

"Kes suami tak suka mandi sampai seminggu, baju pun tak mahu tukar, kita tekankan kepada suami betapa pentingnya kebersihan dan kita selitkan hadis mengenai kebersihan seperti dituntut Islam," katanya.

Beza penganut Syiah dengan mereka yang mempromosikan: Mujahid

PUTRAJAYA - Satu garis panduan perlu diwujudkan bagi membezakan antara penganut Syiah dan mereka yang mempromosikan fahaman itu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mujahid Yusof.

Beliau berkata, walaupun ajaran Syiah difatwakan sebagai haram, tetapi garis panduan itu perlu bagi membezakan hukuman atau tindakan terhadap mereka yang hanya menganut dan mereka yang menganut serta mempromosikan ajaran itu kepada orang lain.

"Ada dua perkara tentang isu Syiah. Yang pertama ialah semua amalan Syiah dianggap sesat dan yang kedua, fatwa mengatakan amalan Islam di Malaysia adalah mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jika mengamalkan selain Ahli Sunnah itu boleh dianggap bercanggah dengan fatwa ini.

"Cuma kita kena jelas di situ. Adakah kerana hanya menjadi Syiah kita boleh mengambil tindakan atau dia menjadi Syiah dan dia mempromosikan Syiah ... itu dua perkara yang berbeza," katanya kepada media selepas menghadiri Sambutan Maulidur



MUJAHID

Rasul Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor yang berkata fatwa yang menetapkan Syiah sebagai ajaran menyimpang daripada Islam boleh disemak semula berdasarkan beberapa hujah selepas mengambil kira dengan fahaman Ahli Sunnah.

Mujahid berkata, garis panduan itu perlu ditentukan bagi menjunjung kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan.

Beliau juga berkata kuasa untuk menyemak semula fatwa yang menetapkan Syiah sebagai ajaran menyimpang terletak di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Menurutnya, Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menyatakan kebebasan beragama di negara ini namun ia tertakluk kepada Perkara 11(4) untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang-menganuti agama Islam. - Bernama